

Muhyiddin Sokong Umno Pulau Pinang Mahu Ambil Tindakan Terhadap Ketua Menteri
Bernama
17 September , 2011

NIBONG TEBAL, 17 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau menyokong tindakan Umno Negeri Pulau Pinang yang mahu mengambil tindakan terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng yang didakwa menfitnah Umno negeri.

Katanya tindakan Badan Perhubungan Umno Negeri itu amat tepat demi menjaga maruah Umno berikutan tuduhan dan tohmahan yang buruk sangka terhadap parti itu.

"Saya ucapkan tahniah kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang (Datuk Zainal Abidin Osman). Kita bukan parti tak ada maruah... kita ada maruah. Apa yang dikatakan adalah fitnah.

"Kalau kita tak buat apa-apa rakyat akan percaya... betullah. Maruah kena jaga. Perhubungan (Umno negeri) bila ambil tindakan Umno pusat sokong," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Kenduri Rakyat Merdeka Raya di Dewan Gerakan Masyarakat Perda, Sungai Acheh di sini hari ini.

Selasa lalu, Zainal Abidin menuntut Lim memohon maaf kerana dikatakan menuduh Umno Pulau Pinang berada di belakang demonstrasi di luar pejabatnya dan di Jambatan Pulau Pinang pada 1 Julai serta percubaan membakar di pejabat DAP Pulau Pinang pada 17 Ogos.

Pada Rabu, satu notis oleh Umno Pulau Pinang telah diserahkan di pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, menuntut Lim memohon maaf dalam tempoh tujuh hari atau berdepan dengan saman fitnah RM30 juta.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Umno berkata walaupun Lim adalah Ketua Menteri, beliau tidak boleh mengatasi undang-undang dan melakukan kesalahan.

"Kita tak boleh biar begitu saja, tak boleh diam... kena ambil tindakan," katanya.

Terdahulu pada majlis Kenduri Rakyat Merdeka Raya itu, Muhyiddin meluluskan peruntukan RM2.5 juta untuk kerja-kerja membaik pulih Masjid Sungai Acheh yang berusia kira-kira 120 tahun, sebagai tambahan kepada RM2 juta yang akan diberikan Jabatan Agama Islam Negeri.

Timbalan Perdana Menteri juga mengumumkan kelulusan RM1 juta untuk membina Jeti Sungai Udang, yang terletak kira-kira satu kilometer dari Sungai Acheh. Beliau turut meluluskan peruntukan RM500,000 untuk membaiki Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Tek di sini.

Hadir sama pada majlis itu adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang juga Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang dan Zainal Abidin.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=614047>